

# PUSAT PENGKOMERSILAN HARTA INTELEK (CIPC)

## UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Oleh : Mohd Basri Basir

### Latar Belakang CIPC

Pusat Pengkomersilan Harta Intelek (CIPC) telah ditubuhkan pada 27 Disember 2017. Penubuhannya adalah seiring dengan inspirasi UniMAP untuk meningkatkan aktiviti pengkomersilan melalui inovasi, teknologi serta kepakaran yang dimiliki oleh tenaga akademik dan merealisasikan peranan universiti sebagai pemangkin pembangunan ekonomi melalui R&D.

### Objektif utama CIPC

- 1) Untuk memajukan pengkomersilan produk-produk penyelidikan berasaskan harta intelek
- 2) Memantau prestasi projek-projek pengkomersilan UniMAP yang lain supaya beroperasi dengan lancar serta menyumbang kepada penjanaan kewangan universiti.

Dari pada tahun 2009 sehingga 2018, UniMAP telah berjaya memiliki 189 harta intelek sama ada yang telah menerima perlindungan sepenuhnya (granted) atau pun di peringkat pemfailan (filing).

Dalam tempoh tiga bulan pertama penubuhan CIPC, UniMAP telah berjaya mengeluarkan beberapa syarikat terbitan yang dimiliki oleh tenaga akademik UniMAP. CIPC juga telah berjaya menarik minat sebuah syarikat swasta untuk melabur di dalam teknologi yang dibangunkan oleh UniMAP melalui perlesenan harta intelek.

Dua kaedah dalam mengkomersilkan harta intelek ialah :-

- 1) Perlesenan harta intelek dan
- 2) jualan terus harta intelek.

### Antara fungsi-fungsi CIPC

1. Menguruskan permohonan pendaftaran harta intelek bagi hasil penyelidikan yang mempunyai nilai komersil.
2. Mengenal pasti peluang-peluang komersil bagi produk-produk UniMAP
3. Meningkatkan bilangan syarikat terbitan (start-up) dan syarikat hiliran (spin-off) yang berdasarkan harta intelek UniMAP.
4. Menjalankan kerjasama strategik dengan industri dan agensi-agensi kerajaan bagi memajukan pengkomersilan harta intelek.
5. Mengurus dan memantau aktiviti pengkomersilan UniMAP

